

BULETIN
Geo**spatial**
Negeri Perak
Edisi 1/2017



dari meja Penasihat

Assalamualaikum w.b.t , Salam Sejahtera dan
Salam Perak Amanjaya,

Persekitaran *Geographic Information System* (GIS) di Negeri Perak dilihat semakin berkembang pesat apabila kebanyakan jabatan dan agensi di Negeri Perak telah mengaplikasikan penggunaan GIS di dalam pelaksanaan kerja harian mereka. Antara jabatan dan agensi di Negeri Perak yang komited dalam mengaplikasikan GIS adalah PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan lain-lain jabatan serta agensi yang terlibat.

Unit PerakGIS memainkan peranan penting dalam memperluas dan menyeragamkan penggunaan GIS di dalam pentadbiran negeri. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, penambahbaikan pengurusan GIS dan pusat GIS negeri perlu dilaksanakan. Pengurusan pembangunan GIS di Negeri Perak perlu disusun semula bagi memastikan pengaplikasian GIS dapat digunakan secara optimum sekaligus memberi impak yang positif dalam pembangunan Geospatial di Negeri Perak.

Pihak MaCGDI telah membantu kerajaan Negeri Perak bagi melaksanakan Kajian Pelan Induk Pembangunan Geospatial Negeri Perak (2017-2021). Kajian ini merupakan pelan perancangan pembangunan pusat GIS yang meliputi maklumat serta strategi yang ingin dilaksanakan dan dicapai dalam jangka masa lima (5) tahun. Diharap kajian ini dapat mengukuhkan kedudukan Unit PerakGIS sebagai Pusat Pangkalan Data Geospatial Negeri Perak.

Unit PerakGIS juga bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat GIS menerusi penerbitan Buletin Geospatial Negeri Perak. Edisi ini merupakan edisi pertama bagi tahun 2017 yang mengandungi aktiviti - aktiviti yang dijalankan sepanjang Disember 2016 hingga Mei 2017. Selain itu, edisi ini juga memuatkan latihan berkenaan Quantum GIS, maklumat berkaitan ICT dan maklumat berkaitan GIS, serta memuatkan modul geologi dan utiliti yang terdapat dalam Peta Interaktif PerakGIS, tidak ketinggalan juga perkara baru dalam Sistem e-Desa.

Diharap edisi kali ini dapat memberi manfaat kepada pembaca semua.

Sekian, terima kasih & selamat membaca.



Rohani binti Md Hashim
Pengarah,
PLANMalaysia @ Perak
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan)

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Rohani binti Md Hashim

Ketua Editor

Meor Syahrizan bin Sha @ Meor Sha

Editor

Nur Aznim binti Mohamed Azizi
Mior Muhammad Nazirul bin Saperi
Nurul Safinah binti Mohd Shahairi
Mohd Hafiz bin Mohd Ghazali

ETIKA PENGGUNAAN **MEDIA SOSIAL** OLEH **PEGAWAI AWAM**

8 AMALAN TERBAIK PENGGUNAAN JARINGAN MEDIA SOSIAL BAGI SEKTOR AWAM



1. SEMUA PEGAWAI AWAM ADALAH TERIKAT DENGAN TERMA DAN SYARAT YANG TERKANDUNG DALAM **PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 (PINDAAN 2002)**
2. PRINSIP - PRINSIP PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL OLEH PEGAWAI AWAM SAMA ADA DALAM URUSAN RASMI ATAUPUN PERIBADI ADALAH SAMA SEPERTI YANG TERPAKAI BAGI MEDIA - MEDIA YANG LAIN.
3. PEGAWAI AWAM DILARANG MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL UNTUK TUJUAN PERIBADI SEMASA WAKTU PEJABAT SAMA ADA MENERUSI PERALATAN KOMPUTER / ALAT MUDAH ALIH YANG DIBEKALKAN OLEH PEJABAT / MELALUI PERALATAN PERIBADI.
4. PEGAWAI AWAM BOLEH MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL SECARA PERIBADI DI LUAR WAKTU PEJABAT TETAPI PERLU BERHATI - HATI SUPAYA TIDAK MENDEDAHKAN SEBARANG MAKLUMAT RASMI.
5. SEBARANG KOMEN MENGENAI ISU - ISU YANG MELIBATKAN AGENSI ATAU YANG BERBENTUK SERANGAN PERIBADI HENDAKLAH DIELAKKAN.
6. KETETAPAN DAN SENSITIVITI MAKLUMAT YANG INGIN DI SAMPAIKAN HENDAKLAH DISEMAK TERLEBIH DAHULU SEBELUM DIHANTAR.
7. PEGAWAI AWAM PERLU MEMASTIKAN PERKONGSIAN DAN PENGGUNAAN MAKLUMAT YANG BERKAITAN DENGAN HAK CIPTA DAN HARTA INTELEK TELAH MENDAPAT KEBENARAN DARIPADA PIHAK YANG BERKENAAN.
8. SEKIRANYA TERDAPAT KESILAPAN PADA SEBARANG MAKLUMAT YANG TELAH DIHEBAHKAN, AKUI PADA UMUM, BUAT PEMBETULAN DAN MOHON MAAF KEPADA PIHAK YANG BERKAITAN SECARA TERUS DALAM LAMAN SOSIAL YANG TERLIBAT.


Untuk keterangan lanjut sila layari portal MAMPU

www.mampu.gov.my/ms/penerbitan-mampu/send/2-buku/49-penerapan-etika-penggunaan-media-sosial-dalam-sektor-awam

Sambungan dari edisi 2/2016..

Modul 14 : Geologi


Modul ini mengandungi lima (5) lapisan data yang dibekalkan oleh Jabatan Mineral dan Galian (JMG) Negeri Perak iaitu Bukit Batu Kapur, Kawasan Kuari, Sumber Mineral, Lombong Galian dan Lithology. Perincian bagi modul ini hanya dapat diakses oleh pihak pengurusan tertinggi sahaja.




Rajah 1 : Paparan lokasi kawasan Bukit Batu Kapur di Daerah Kinta




Rajah 2 : Paparan lokasi kawasan Kuari di Daerah Manjung



Rajah 3 : Paparan lokasi kawasan Sumber Mineral di Daerah Muallim



Rajah 4 : Paparan lokasi kawasan Lombong Galian di Daerah Batang Padang




Rajah 5 : Paparan perincian kawasan Lithology di Daerah Kuala Kangsar

Modul 15 : Utiliti


Modul ini mengandungi maklumat-maklumat utiliti yang dibekalkan oleh berlainan agensi. Terdapat lima (5) lapisan data bagi modul ini iaitu :-

Sub Modul	Perincian	Agensi
Komunikasi	Menara Telekom	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
Elektrik	Talian Elektrik <i>Power Plant</i> Stesen Talian Elektrik	Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Pengurusan Alam Sekitar	Kawasan Pembentukan Pengurusan Sisa Pepejal	PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Minyak dan Gas	Stesen Laluan Gas	
Pengurusan Air	Saluran Paip Air	Lembaga Air Perak (LAP)


Nota : Bagi sub modul Pengurusan Air hanya dapat diakses oleh pihak pengurusan tertinggi sahaja.




Rajah 1 : Paparan lokasi Menara Telekom di Daerah Bagu Datuk



Rajah 2 : Paparan lokasi Stesen Talian Elektrik di Daerah Hulu Perak



Rajah 3 : Paparan lokasi Kawasan Pembentukan di Daerah Larut Matang



Rajah 4 : Paparan lokasi Stesen Laluan Gas di Daerah Manjung

GEOPROCESSING TOOLS

Untuk edisi kali ini, pengguna akan mempelajari bagaimana untuk menggunakan *Geoprocessing Tools* untuk membuat analisis sesuatu data. Antara kaedah yang akan dipelajari adalah :-

1. *Buffer*
2. *Intersect*
3. *Clip*
4. *Union*
5. *Symmetrical Difference*
6. *Difference*
7. *Dissolve*


Pada kali ini kita akan mempelajari kaedah *Buffer*, manakala bagi *Intersect*, *Clip*, *Union*, *Symmetrical Difference*, *Difference* dan *Dissolve* akan dipelajari pada edisi akan datang.

Buffer


Buffer zone adalah alat untuk mengenalpasti kawasan yang termasuk di dalam lingkungannya dengan jarak yang ditentukan oleh pengguna. *Buffer* boleh dihasilkan menggunakan data yang berbentuk *polygon*, *point* dan *line*.

a) *Buffer* menggunakan *Polygon Centroids*

- 1) Mulakan aplikasi QGIS dan masukan *Layer* yang sedia ada
- 2) Klik pada *Vector > Geometry Tools > Polygon Centroids*
- 3) Klik pada *Input polygon vector layer*
- 4) Klik *Browse* dan pilih lokasi yang ingin di simpan serta nama *Output/File* dan klik OK.



Sebelum




Selepas




Tujuan penggunaan *Polygon Centroids* adalah untuk mengetahui titik tengah di dalam kawasan *polygon* kerana kebiasaannya *buffer zone* akan dibuat dalam bentuk *radius*. *Polygon centroids* hanya dapat menterjemah/membaca data dalam bentuk *polygon* sahaja.

- 5) Klik pada *Vector > Geoprocessing Tools > Buffer*
- 6) Pilih *Input Vector* (nama layer yang pengguna create di *Polygon Centroids*)
- 7) Tetapan *segments to approximate* boleh kekalkan dalam lima (5)
- 8) *Buffer Distance* bergantung kepada tetapan *units* sesuatu data sama ada dalam meter atau kaki (contoh 0.0001 bersamaan dengan 10 meter)
- 9) Masukkan *Output shapefile* dengan nama yang bersesuaian, kemudian klik OK.



Sebelum




Selepas


b) *Buffer* menggunakan Data Sedia Ada

Pengguna juga boleh menggunakan data sedia ada tetapi data tersebut perlulah di dalam bentuk *point*.

- 1) Klik pada *Vector > Geoprocessing Tools > Buffer*
- 2) Pilih *Input Vector* (nama layer yang dalam bentuk point)
- 3) Tetapan *Segments to approximate* boleh kekalkan dalam lima (5)
- 4) *Buffer Distance* bergantung kepada tetapan *units* sesuatu data sama ada dalam meter atau kaki (contoh 0.0009 bersamaan dengan 90 meter)
- 5) Masukkan *Output shapefile* dengan nama yang bersesuaian, kemudian klik OK.



Sebelum



Selepas

bersambung pada edisi akan datang...

sambungan dari edisi 2/2016..

Profil kampung e-Desa

Untuk makluman, paparan ini boleh diakses oleh pengguna awam dan perincian secara jelas hanya boleh diakses oleh ketua kampung yang mempunyai ID Pengguna dan Katalaluan yang telah dibekalkan oleh Unit PerakGIS.

Seterusnya, pengguna akan mempelajari bagaimana untuk melihat maklumat e-Desa ini mengikut pilihan kampung. Lihat langkah-langkah di bawah :

1. Klik pada menu Modul Kampung, kemudian klik profil kampung
2. Paparan peta Negeri Perak, klik pada Daerah 'contoh Daerah : Kerian'
3. Tulis nama kampung 'contoh kampung : Parit Sungai Melan', kemudian klik cari

Unit PerakGIS Tingkat 13,
Bangunan Perak Techno Trade Centre (PTTC),
Bandar Meru Raya, Jalan Jelapang 30020 Ipoh, Perak

Laman Utama Mengenai Kami **Modul Kampung** Modul Produk Manual Pengguna Hubungi Kami Admin

Keterangan Modul
Profil Kampung

1

2

3

4

Profil Kampung [Sila Klik Daerah]

HULU PERAK
SELANA
KERIAN
KUALA KANGSAR

1 KERIAN :: BAGAN SERAI (BIL KG - 23)

Bil	Nama Kampung	JKKK
[1]	Kampung Parit Mat Keling	Kampung Parit Mat Keling
[2]	Kampung Parit Hussin	Kampung Parit Hussin
[3]	Kampung Parit Air Hitam	Kampung Parit Air Hitam
[4]	Kampung Masjid Tinggi	Kampung Masjid Tinggi
[5]	Kampung Sungai Bogak	Kampung Sungai Bogak
[6]	Kampung Sungai Dungun	Kampung Sungai Dungun

BERITA TERKINI

Semak acara terkini, berita dan aktiviti:

Mukim Bagan Serai
1) Kampung Parit Haji Aman

Mukim Beriah
1) Kampung Parit Lebai Kadir

Mukim Bagan Tiang
1) Kampung Parit Tok Ngah Atas

Mukim Gunung Semanggol
1) Kampung Padang Lalang

6 July 2017

4. Hasil paparan portal kampung : Selamat datang ke Kampung Batu 14/ Parit Sungai Melan

e-DESA

4 SELAMAT DATANG KE KAMPUNG BATU 14/PARIT SUNGAI MELAN

Perihal Pentadbiran Infrastruktur Aktiviti Projek Galeri Produk

About Administrator Infrastructure Activities Project Gallery Products

PERIHAL KAMPUNG

Pegawai Daerah
Penghulu Mukim
Nama Kampung
Daerah dan Mukim
Parlimen / DUN
Ketua Kampung
No. Telefon

Tuan Mohd Sabli bin Bakri
Tuan Haji Abdullah Bin Yusof
Kampung Batu 14/Parit Sungai Melan
KERIAN,KUALA KURAU
Parit Buntar / Kuala Kurau
Abu Bakar b. Jumri
014-2478391

Log Masuk Pengguna

SEJARAH KAMPUNG

Diawal pembukaannya kampung ini merupakan kawasan hutan pesisir pantai yang ditumbuhi dengan pohon api-api dan tumbuhan pantai. Ditebang tebas dijadikan sebagai tempat kediaman dan bercucuk tanam oleh

Perincian bagi menu portal kampung

Terdapat tujuh (7) menu utama pada paparan portal kampung iaitu :



1. Perihal Kampung :
Memaparkan perincian bagi sesebuah kampung

Menu Utama	Sub Menu
Log Masuk Pengguna	Daftar Masuk Pengguna Berdaftar • ID Pengguna • Katalaluan
Perihal Kampung	Pegawai Daerah Pengkulu Mukim Nama Kampung Daerah dan Mukim Parlimen / DUN Ketua Kampung Nombor Telefon
Sejarah Kampung	-
• Penduduk Kampung • Tahun	Taburan Bangsa Bangsa Bilangan Jumlah Bangsa Peratusan Taburan Jantina Jantina Bilangan Jumlah Jantina Peratusan



2. Pentadbiran :
Memaparkan organisasi pentadbiran kampung.

Menu Utama	Sub Menu
Parlimen	Nama Parlimen Ahli Parlimen Jawatan Alamat Pejabat Nombor Telefon
Dun	Nama Dun Ahli Dun Jawatan Alamat Pejabat Nombor Telefon
Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)	Nama Jawatan Perincian Jawatan

akan bersambung di edisi seterusnya..

Pelan Induk Negeri Pembangunan Geospatial Negeri Perak (PIPGNP) 2017-2021

Pelan Induk Pembangunan Geospatial Negeri Perak (PIPGNP) merupakan salah satu inisiatif pihak MaCGDI untuk membantu pembangunan GIS Negeri Perak. Pelan induk ini akan dijadikan panduan bagi unit PerakGIS untuk merangka dan merancang aktiviti GIS secara inklusif bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun 2018 hingga 2022.

Justeru, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyalurkan sejumlah peruntukan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN) untuk melaksanakan tujuan tersebut. Kerajaan Negeri Perak pula telah melantik Uni-Technologies Sdn. Bhd. (syarikat di bawah pengurusan Universiti Teknologi Malaysia) untuk mengendalikan kajian ini setelah melalui proses sebut harga seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia.

Kajian Pelan Induk ini melibatkan pelbagai agensi di pelbagai peringkat di Negeri Perak, dengan pelbagai latar belakang dan kepakaran yang berbeza. Sehubungan itu, adalah penting untuk mengenalpasti dan mewujudkan modus operandi yang menyeluruh bagi mengendalikan pengurusan kajian ini. Projek kajian PIPGNP telah mengambil beberapa pendekatan yang secara umumnya dapat dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu penilaian *baseline*, penyediaan pelan pembangunan strategi dan penyediaan pelan pelaksanaan strategi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Aktiviti-aktiviti bagi setiap fasa ini adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.

Bil.	Peringkat	Fasa yang berkaitan	Modul
1.	Peringkat 1 : Penilaian <i>baseline</i>	1. Orientasi 2. Penyelidikan dan kajian keperluan 3. Penilaian dan semakan 4. Analisis keperluan dan jurang 5. Rekabentuk konseptual sistem sasaran 6. Kajian kos dan sumber	1. Penilaian awalan keseluruhan 2. Penilaian sokongan institusi sedia ada 3. Analisis infrastruktur geospatial sedia ada 4. Rekabentuk konseptual sistem
2.	Peringkat 2 : Pembangunan strategi	Pembentukan cadangan pelan induk	1. Perancangan strategi 2. Pengenalpastian inisiatif utama program
3.	Peringkat 3 : Pelaksanaan strategi	Pembentukan cadangan pelan induk	1. Pembangunan pelan tindakan 2. Pembangunan pelan pemantauan
4.	Dokumentasi dan serahan	-	1. Semakan draf serahan 2. Pengendorsan dokumen 3. Mendokumen dan mencetak PIPGNP (2017-2021) 4. Serahan PIPGNP (2017-2021)

Jadual 1 : Kerangka Kerja Kajian

Rajah 1 : Pelan Urutan Aktiviti Pelaksanaan Kajian




AKTIVITI UNIT PERAKGIS DARI JANUARI HINGGA MEI

Nama : Kursus ArcGIS Server

Tarikh : 10 Januari 2017 - 12 Januari 2017

Tempat : Pusat Internet 1 Malaysia, Kampung Dato Ahmad Said, Ipoh, Perak.



Nama : Lawatan Teknikal ke PLANMalaysia@Negeri Sembilan (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)

Tarikh : 16 Januari 2017

Tempat : Wisma Negeri, Negeri Sembilan



AKTIVITI

Nama : Bengkel Perlaksanaan Kajian Pelan Induk Pembangunan Geospasial Negeri Perak

Tarikh : 24 Januari 2017

Tempat : Hotel Casuarina, Ipoh



AKTIVITI

Nama : Lawatan Teknikal ke Pusat PeGIS

Tarikh : 14 Februari 2017

Tempat : PeGIS, Pulau Pinang



Nama : Seminar Kesedaran ICT

Tarikh : 30 Mac 2017

Tempat : SUK Perak, Ipoh



AKTIVITI

Nama : Pengemaskinian Sempadan Kampung & Bengkel e-Desa bagi Daerah Kampar, Muallim, Hilir Perak dan Bagan Datuk.

Tarikh : Februari - Mei 2017

Tempat : Pejabat Penghulu Mukim Daerah dan Pusat Internet 1 Malaysia



